

# Dr M sahkan hadir sidang OIC

**BH** - 7 NOV 2000

KUALA LUMPUR, Isnin - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mengesahkan akan menghadiri persidangan kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) di Qatar bermula esok, dijangka mengutarakan beberapa isu sejagat semasa termasuk globalisasi.

Perdana Menteri berkata, tidak ada isu khusus akan diutarakan oleh Malaysia, tetapi beliau akan turut menyentuh mengenai globalisasi itu apabila mengadakan perjumpaan dengan golongan intelek dan peniaga sempena sidang OIC berkenaan.

"Saya (turut) diundang untuk memberi ucapan kepada intelek dan masyarakat perniagaan (di Qatar) dan juga ulama-ulama di situ. Saya akan bercakap mengenai cabaran globalisasi," katanya selepas merasmikan persidangan Majlis Telekomunikasi Komanwel ke-40, di sini hari ini.

Dr Mahathir dijangka berlepas ke Qatar Sabtu ini dan akan berada di sana selama dua hari. Persidangan OIC yang bermula esok akan berakhir 14 November ini.

Selain sidang OIC, Dr Mahathir akan turut menghadiri tiga lagi persidangan antarabangsa sebelum Ramadan dalam masa tiga minggu akan datang.

Dari Doha, Dr Mahathir berkata beliau akan ke Bandar Seri Begawan untuk menghadiri perjumpaan tidak rasmi ketua negara Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) yang dijadualkan pada 15 dan 16 November.

Sekembalinya ke tanah air, Dr Maha-

thir akan menghadiri Perhimpunan Agung Khas Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) pada 18 November ini bagi meminda perlembagaan parti itu.

Selepas itu, beliau dijadualkan menghadiri Dialog Antarabangsa Langkawi (LID) di Langkawi pada 19 hingga 22 November ini.

Dr Mahathir berkata, beliau juga akan menghadiri sidang kemuncak tidak rasmi

Asean dan Mesyuarat Asean Campur Tiga di Singapura pada 24 dan 25 November.

"Tempoh itu sangat sibuk sebelum kedatangan bulan puasa," katanya.